

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**  
**Peperiksaan Semester Pertama**  
**Sidang 1987/88**  
**HLA 101 - Pengantar Seni Teater**

**Tarikh:** 2 November 1987

**Masa:** 2.15 ptg. - 5.15 ptg.  
( 3 jam )

**Jawab LAPAN(8) soalan. SEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada setiap Bahagian B dan C.**

**BAHAGIAN A - Jawab SEMUA soalan**

1. Berikan definisi ataupun keterangan bagi setiap istilah yang berikut:

- |                  |                         |
|------------------|-------------------------|
| (a) Hanamichi    | (i) Mei Lan Fang        |
| (b) Michiyuki    | (j) Hamartia            |
| (c) Vidushaka    | (k) Rebab               |
| (d) Thymele      | (l) Wayang Orang        |
| (e) Okuni        | (m) Transformasi        |
| (f) Onnagata     | (n) Set Kotak (Box Set) |
| (g) Bharata Muni | (o) Mahabharata         |
| (h) Yugen        |                         |

(15 markah)

2. Namakan penulis dan semua watak utama dalam drama Ana. Namakan empat(4) ciri yang membolehkan drama tersebut digelar absurd.

(5 markah)

.../2

3. Tuliskan lima(5) fakta yang berlainan tentang setiap daripada istilah-istilah yang berikut.

Contoh: Shakespeare -- Inggeris, menulis Hamlet, Abad 16 - 17, Pelakon, Kerja di Panggung Globe.

- |                       |               |
|-----------------------|---------------|
| (a) Sandiwara         | (d) Aristotle |
| (b) Dinsman           | (e) Rasa      |
| (c) Teater Alternatif | (f) Noh       |

(10 markah)

4. Berdasarkan drama Oedipus Rex atau Shakuntala jelaskan secara ringkas bagaimana ia mungkin dipentaskan pada zaman klasik. Anda boleh menyentuh aspek-aspek lakonan, hiaslatar, pakaian dan lain-lain lagi.

(10 markah)

**BAHAGIAN B - Jawab DUA(2) soalan**

**5. SAMA ADA**

- (a) Drama Europh di zaman pertengahan (medieval) mengandungi ciri-ciri agama Kristian yang amat kuat. Apakah bentuk-bentuk drama utama yang terdapat pada zaman itu dan apakah fungsi drama tersebut?

(15 markah)

**ATAU**

- (b) Berikan ulasan tentang drama Everyman dari segi kandungan, perwatakan, tema dan fungsinya.

(15 markah)

6. Apakah yang anda faham tentang istilah trajedi? Kedua-dua drama Oedipus Rex dan Romeo dan Juliet dianggapkan sebagai trajedi. Pada pendapat anda, di antara kedua drama itu, yang manakah yang lebih bermutu dan kenapakah anda berpendapat demikian?

(15 markah)

7. Apakah tema-tema utama yang terdapat di dalam drama Shakuntala? Huraikan drama tersebut secara mendalam untuk menyokong ulasan anda.

(15 markah)

**BAHAGIAN C - Jawab DUA(2) soalan**

8. Berikan definisi drama Realisme. Bincangkan kenapakah **Tamu di Bukit Kenny** disifatkan sebagai drama Realisma dari segi struktur, perwatakan, bahasa dan tema.  
(15 markah)
  
9. Teater Asia Tenggara boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu teater rakyat, teater istana, teater popular dan teater moden. Jelaskan ciri-ciri yang terdapat di dalam setiap kategori tersebut.  
(15 markah)
  
10. Andaikan anda seorang penulis untuk sebuah majallah budaya. Tuliskan satu rencana yang memberi gambaran nyata tentang pementasan **Bangsawan** ataupun **Mak Yong**.  
(15 markah)

-ooo000ooo-